

1983

TELUK INTAN, 27 MAC. (BERNAMA) -- KERJASAMA ERAT DIBIDANG POLITIK DI KALANGAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI PERLU DITINGKAT DAN DIPERLUASKAN MELIPUTI BIDANG EKONOMI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

JIKA KERJASAMA POLITIK DAPAT WUJUD SEJAK LAMA, BELIAU TIDAK MELIHAT BAGAIMANA KERJASAMA EKONOMI JUGA TIDAK DAPAT DIPUPUK DAN DIKEMBANGKAN, KATANYA KETIKA MERASHIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN HILIR PERAK, TELUK INTAN DAN BAGAN DATUH DI SINI.

KATANYA WALAUPUN WUJUD BEBERAPA PERBEZAAN POLITIK TETAPI DALAM PERKARA-PERKARA PENTING SEPERTI DASAR EKONOMI BARU, RAKYAT DARI SEMUA KAUM SEPAKAT DAN MENDUKUNGNYA BAGI FAEDAH DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

KERAJAAN INGIN MELIHAT KERJASAMA AKTIF ANTARA MASYARAKAT BUMIPUTERA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA DI BIDANG EKONOMI TETAPI TIDAK INGIN MELIHAT KERJASAMA +ALA ALI-BABA+ BERTERUSAN.

DENGAN KERJASAMA SECARA AKTIF KEDUA-DUA PIHAK DAPAT MENINGKAT KECEKAPAN DAN PENGALAMAN SUPAYA MATLAMAT TERAKHIR SUPAYA MASYARAKAT DAPAT +BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH+ TANPA MENGIRA KAUM DAPAT DICAPAI.

--LAGI 1338/AN

MAHATHIR 2 TELUK INTAN R'Q'Q'

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU PRESIDEN UMNO LALU MENYERU PARA PEMIMPIN UMNO MENYEBARKAN KESEDARAN TERSEBUT DI KALANGAN ANGGOTA ANGGOTA PARTI.

MEREKA HENDAKLAH MENGUBAH SIKAP DAN BEKERJA LEBIH TERUK SEPERTI MASYARAKAT LAIN UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN LEBIH BESAR DI BIDANG EKONOMI.

KATANYA MODAL TIDAK MENJADI MASALAH ASALKAN MEREKA SANGGUP BEKERJA KERAS UNTUK MENJAYAKAN SESUATU USAHA/BIUSAHA ITU, KATANYA.

MARA BERSEDIA MEMBERIKAN PINJAMAN ASALKAN MEREKA DAPAT MENYAKINKAN MARA BAHAWA PINJAMAN TERSEBUT DAPAT DIBAYAR BALIK MELALUI PROJEK YANG MERERA LAKSANAKAN.

KATANYA MESKIPUN KEMUDAHAN MODAL DAN TEMPAT BERNIAGA SUDAH DISEDIAKAN, PADA KESELURUHANNYA PENCAPAIAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MASIH RENDAH.

WALAUPUN BEBERAPA SYARIKAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA SEPERTI GUTHRIE, SIME DARBY, BOUSTEAD DAN MALAYSIAN MINING CORPORATION KINI SUDAH MENJADI MILIK KEPENTINGAN BUMIPUTERA TETAPI SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT ADALAH DI BAWAH PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNB), KATANYA.

--LAGI 1342/AN

MAHATHIR 3 TELUK INTAN R R R

KERAJAAN MAHUKAN LEBIH BANYAK USAHANIAGA YANG DATANGNYA DARI INDIVIDU BUMIPUTERA SENDIRI, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI SELANJUTNYA MENYERU MEREKA MEMINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN SUPAYA USAHANIAGA MASING-MASING AKAN BERJAYA DAN BERKESAN.

+TANPA KECEKAPAN PENGURUSAN, MODAL SEBESAR \$1,000 JUTA SEKALIPUN AKAN HABIS,+ KATANYA.

SOAL TERSEBUT, KATA BELIAU SEDANG DIBERI PERHATIAN BERAT OLEH KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENYERU WAKIL-WAKIL RAKYAT DARI UMNO BEKERJA LEBIH KERAS UNTUK Mencari JALAN MENYELESAIKAN MASALAH RAKYAT DI KAWASAN MASING-MASING.

MENURUT BELIAU MASIH TERDAPAT WAKIL RAKYAT YANG +TIDUR+ DAN BEKERJA LIMA TAHUN SEKALI BILA ADA PILIHANRAYA.

INI MEMBERI PELUANG KEPADA MUSUH-MUSUH POLITIK MENANAM SENTIMEN BENCI DAN IRIHATI RAKYAT TERHADAP KERAJAAN DAN UMNO, KATANYA. --LAGI. 1405/WS

MAHATHIR 4 TELUK INTAN R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP BANGUNAN UMNO YANG BARU DIRASMIKAN ITU DIGUNAKAN UNTUK MEMBINCANGKAN MASALAH-MASALAH RAKYAT DAN BUKAN DIJADIKAN LAMBANG KEMAJUAN PARTI SEMATA-MATA.

KATANYA KETIKA UMNO DIWUJUDKAN PADA TAHUN 1946, ANGGOTA-ANGGOTA TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK BERMESYUARAT DAN +KADANG-KADANG BERMESYUARAT DI BAWAH RUMAH ORANG+ TETAPI DENGAN KECEKALAN SEMANGAT, GAGASAN MALAYAN UNION YANG DITAJAKAN OLEH KERAJAAN PENJAJAH BRITISH TELAH DITOLAK.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PENIMPIN UMNO BAHAWA DISAMPING MEMPERJUANGKAN NASIB ORANG-ORANG MELAYU, MEREKA JUGA BERTANGGUNG-JAWAB MENENTUKAN KESEJAHTERAAN LAIN-LAIN KAUM YANG BERNAUNG DI BAWAH UMNO.

BELIAU PERCAYA RAKYAT DARI LAIN-LAIN KAUM TIDAK AKAN MENIMBULKAN SEBARANG MASALAH SEKIRANYA HIDUP MEREKA TERJAMIN, SEJAHTERA DAN TENTERAM. -- BERNAMA 1414/PA